

Tekad capai kemakmuran lebih baik

➔ Perkukuh kepercayaan rakyat, letak negara di landasan kukuh

Belanjawan 2019 memperlihatkan kerajaan bertekad melaksanakan langkah untuk menangani defisit kepercayaan terhadap kerajaan, mempromosikan keusahawanan dan mensejahterakan rakyat.

Strategi yang dilakarkan dalam belanjawan ini bakal meletakkan negara ini dalam landasan kukuh demi mencapai objektif kebebasan, keadilan, keharmonian, keamanan dan kemakmuran yang lebih baik dalam Malaysia baharu.

Ekonomi Malaysia terus berkembang pada separuh pertama 2018, meskipun terdapat beberapa cabaran dalam ekonomi domestik dan ketidaktentuan luaran.

KDNK 4.9 peratus

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencatat 4.9 peratus dalam tempoh separuh pertama 2018 dan dijangka mencatatkan 4.8 peratus pada 2018 dan 4.9 peratus pada 2019, disokong permintaan domestik kukuh dan sektor luaran yang menggalakkan.

Walaupun ekonomi dijangka

berkembang, ketidaktentuan sektor luaran dan cabaran domestik boleh menjadi risiko kepada prospek pertumbuhan.

Dalam memulihkan semula keyakinan terhadap kerajaan, Belanjawan 2019 memperlihatkan kerajaan akan memperkenankan beberapa langkah bagi memperkukuh tadbir urus, memperluas asas hasil negara, menambah baik pengurusan fiskal dan perolehan kerajaan serta menyusun semula peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Di samping itu, kementerian dan agensi akan diperkemas bagi mengelak pertindihan peranan dan fungsi.

Bagi menggalakkan keusahawanan dan pembabitan sektor swasta dalam kegiatan ekonomi dan pembangunan secara keseluruhan, Dasar Persyarikatan Malaysia akan diperkasakan, yang mana pelaksanaan dasar itu dijangka mencetuskan versi baharu kerjasama awam swasta (PPP) untuk menggalakkan pelaburan dan keusahawanan dalam negara.

Dalam aspek itu, pendekatan tukar ganti tanah di bawah PPP akan disemak semula, iaitu me-



Belanjawan 2019 meletakkan negara dalam landasan kukuh demi mencapai objektif kebebasan, keadilan, keharmonian dan kemakmuran lebih baik.



misahkan penjualan tanah daripada pembangunan tanah, yang mana penjualan dan pembangunan tanah akan dilakukan secara tender terbuka.

Bagi mengurangkan pembabitan kerajaan dalam menjalankan perniagaan, kerajaan bercadang untuk mengurangkan pembabitan dalam aktiviti

perniagaan komersial.

Usaha juga akan dipertingkatkan untuk meluaskan pasaran eksport Malaysia, justeru, ekonomi Malaysia mesti berasaskan kepada tahap kecekapan dan teknologi paling tinggi.

Firma, terutama syarikat kecil dan sederhana (PKS) perlu berhenti daripada berasa terlalu selesa dan mengejar keuntungan jangka pendek serta kurang melaksanakan pelaburan untuk masa depan.

Kerajaan juga akan terus menggalakkan pelaburan langsung asing (FDI) jangka panjang dalam pelaburan hijau, sementara pertumbuhan ekonomi pada masa depan akan dipacu sektor berteknologi tinggi seperti kecerdasan buatan (AI), internet untuk segala-galanya (IoT), pengkomputeran awan dan analisis data raya yang menggariskan potensi ekonomi digital bagi memastikan peralihan Malaysia kepada negara maju dan inklusif.

Kadar pengangguran kekal rendah

Sejak dua dekad lalu, kadar pengangguran di Malaysia berada di bawah empat peratus yang membuktikan bahawa ekonomi berada di bawah guna tenaga penuh.

Pada 2017, kadar pengangguran bagi warganegara Malaysia mencatat 3.7 peratus, namun ia merentasi pelbagai etnik.

Bumiputera mencatatkan bilangan penganggur paling ramai iaitu sebanyak empat peratus mewakili jumlah 336,400; diikuti Cina (2.4 peratus; 77,100), India (4.7 peratus; 43,300) dan lain-lain (6.6 peratus; 6,600).

Pada 2017 juga menyaksikan kadar pengangguran warganegara lebih tinggi bagi perempuan (3.8 peratus) berbanding lelaki (3.6 peratus) selaras dengan kajian menyatakan bahawa perempuan lebih cenderung untuk menyertai semula tenaga buruh sekiranya terdapat keperluan berkaitan keluarga.

Selain itu, ia juga disebabkan majikan cenderung menggaji lelaki berdasarkan komitmen lebih tinggi untuk bekerja lebih masa.

Pengangguran belia 13.2 peratus

Laporan itu turut menyatakan bahawa pengangguran dalam kalangan belia mencatatkan kadar tertinggi sekitar 13.2 peratus.

Ini disebabkan kekurangan pengalaman kerja dan tahap kemahiran atau pendidikan yang tidak mencukupi untuk bersaing di pasaran buruh.

Ini juga dikaitkan dengan ketidakpadanan kemahiran di mana banyak kekosongan jawatan dalam pasaran buruh di bawah kategori pekerja kurang mahir dan tidak sesuai untuk graduan yang baru menamatkan pengajian.

Bumiputera dengan pendidikan tertiar merekodkan kadar pengangguran tertinggi sebanyak 4.6 peratus berbanding yang tiada pendidikan rasmi.